

03/08/1997

Tulislah sebuah cerpen-II

Ta Razak HM

AKU percaya hal itu berguna untuk difikirkan. Ini tugas seorang sasterawan. Orang semacam anda tentunya dapat melihat permasalahan itu secara wholistic.

Segala apa yang bergolak itu patut disaring dan dijadikan bahan penulisan, supaya sepadu dan indah. Anda tentunya dapat memindahkan realiti itu menjadi sebuah karya kreatif yang sesuai dibaca. Ini hanya berjaya selepas ditangani dengan keunikan dan keistimewaannya.

Aku menghadiri mesyuarat pada waktu itu. Dengan demikian, tentulah anda tidak dapat menghubungiku. Kerana telefon bimbit aku matikan. Pada ketika itu aku tidak boleh diganggu, kerana yang dijemput mesyuarat adalah golongan birokrat @ aristokrat elit Melayu. Datuk dan datin belaka.

Yang hadir dan yang turut hadir dalam mesyuarat itu seharusnya tidak jadi terganggu. Sekiranya ada deringan telefon, ia boleh disifatkan sebagai perbuatan orang yang tidak beradab.

Bagaimanapun, apa yang anda mahu sudah disampaikan oleh seorang kawan. Ketika berada di bilik, aku dapati ada mesej di atas meja. Mesej itu dituliskan jelas dalam sehelai kertas kecil.

"Sila telefon Non. Ada hal mustahak. This is very personal!"

Lalu aku mencuba menghubungi anda di pejabat. Malangnya, anda tiada di pejabat pada ketika itu, barangkali ke kantin atau ke perpustakaan.

Kebetulan pula nombor telefon bimbit anda itu hilang. Aku terlupa hendak salin semula ke dalam buku khas. Maafkan aku, ini kesilapan sendiri.

Pada saat itu, apa yang kita perlu adalah sokongan psikologi. Anda juga jadi tertekan oleh kehidupan moden manusia di kota pada hari ini yang self-satisfying.

Aku masih diganggu apa yang berlaku dalam mesyuarat itu. Inilah yang aku mahu sampaikan dan kongsi bersama. Pada siang menjadi usikan, pada malamnya menjadi igauan. Inilah yang amat meresahkan. Inilah yang menyebabkan tidur tidak nyenyak. Esoknya, pada waktu siangnya - duduk salah, berdiri pun salah. Yang menyakitkan hati ialah sikap `serba tidak kenanya' itu.

Masih teringat apa yang aku katakan dulu: "Orang lama: Mantap dan tepu. Orang baru: Tercari-cari dan suka bereksperimen. Kalau begitu, kompromilah!" Lalu aku gusar oleh keceluparan yang terjadi itu. Aku tidak sempat berfikir akan santunnya dan hendaklah disuarakan ketidakpuasan hati itu secara peribadi.

Aku sedar dan maklum bahaya menidakkan kewibawaan birokrat @ aristokrat elit @ Melayu super.

Agak lama aku berfikir tentang risikonya. Kerana aku percaya orang berkuasa memang ada tulah, sumpahan atau daulatnya. Sewaktu duduk dalam bilik mesyuarat itu, fikiranku seperti menghayati rasa dendam. Masih sempat memikirkan beberapa perkara yang berkaitan.

Nampak seperti orang yang mendengar, sebetulnya `tidak memasang telinga'. Cuma sekali-sekala mendengar dan mengikuti apa yang dibincangkan, apa yang dibahaskan itu nampak seperti hangat. Macam berbicara fasal Tanah Simpanan Melayu yang patut diberikan perhatian semula, walaupun pada hakikatnya banyak yang terlepas tangan.

Apa yang diberikan hujah balasnya itu kadangkala dirasakan terlalu sensitif. Macam tersentuh isu perlunya dijaga hubungan baik antara dua negara jiran. Ini terjadi apabila tersentuh soal geng atau kelompok yang wujud dalam institusi ini.

Sempat aku fikir pentingnya upaya retorika. Macam petah bicara ahli politik. Terfikir juga, cakap mesti pandai. Macam keletah seorang peguambela, walaupun cakap itu berdegar-degar.

"Begitulah keadaan kami". Quote and unquote. Kami seperti beriya-iy berdiskusi. Kami bagaikan beriya-iy mahu menampilkan suatu sucitra dan perjuangan baru oleh masyarakat baru. Agendanya tentang alaf baru. Kami dengan demikian, tidak mahu ketinggalan dalam hal berkaitan teknologi.

Ini adalah suatu hal yang tidak mahu ditiadakan. Hal itu tidak dapat dinafikan peri pentingnya. Orang bercakap fasal MSC, kami juga bercakap fasal MSC atau Multimedia Super Corridor.

Seperti yang dikatakan PM kita. Harus tele dengan hasrat dan cita-cita PM itu, supaya kami tidak menjadi ketinggalan zaman. Harus dapat bercakap juga fasal Internet. Kerana sekarang zaman ruang cyber.

Melihat juga, perlunya kami memantapkan diri supaya berdaya saing dan berdaya maju. Harus, IT atau information technology. Harus sedar isu kecemerlangan Melayu dan Wawasan 2020.

Mahu saja kuakui visi, mimpi dan realiti itu. Bahasa di sini ada agenda sulit atau yang tersembunyi atau ulterior motive. Ironinya di sini, nampak tenang di luar, tetapi `bergelora di dalamnya'. Bagaikan indah khabar daripada rupa. Yang dibicarakan tentulah yang muluk-muluk saja. Berkisar yang teori atau konsepnya dan gagasannya. Rasa-rasanya banyak yang tidak benar tetapi `tidak boleh disuarakan'.

Realitinya, di sini amat daif. Setakat ini, tiada apa pun usaha kami yang menjadi best-seller. Yang terbaik, `mengancam' dan dapat dijadikan teladan. Kalaulah anda menjadi sebahagian warga kami, tentunya tidak perlu aku bersusah payah menceritakan `yang itu dan yang ininya'.

Aku katakan bahawa ada masalah dalamannya. Ini soal, `penyakit hati dan nurani'. Mungkin dapat disamakan dengan suatu pendapat mengenai Singapura yang diibaratkan sebagai, an old whore who put a lot of lipsticks.

Institusi ini sebetulnya tenat. Macam dilema yang dihadapi orang Melayu yang menjadi penduduk di sebuah perkampungan Melayu di tengah kota metropolitan. Sejak dulunya ialah hambatan payah dimajukan. Yang terhambat oleh - harapkan peguam, peguam pula membelit. Mengharapkan ahli politik juga menyusahkan.

Tanah itu dulunya hutan dan berpayah. Tempat itu dulunya memanglah terpencil dan jauh dari kota. Proses perbandaran menjadikan `kampung di tengah kota' itu suatu kawasan segi tiga emas di tengah kota.

Inilah yang unik dan serba menyusutkan untuk dirungkai dan dihuraikan.

Realitinya, masalahnya, dilemanya. Di sini masih wujud `seribu satu macam masalah' dan keresahan sosialnya. Anak-anak Melayu bagaikan kehilangan hala tujunya. Orang Melayu itu seperti kehilangan nilai dan kemurniannya. Yang tidak kurang penting, tentulah masalah `hak milik' orang Melayu dari satu generasi ke generasi lainnya.

Telitikan masalah itu. Nasib orang Melayu di tengah kota itu dan dilemanya. Lihatlah betapa di sini masih terdapat rumah usang. Masih ada rumah kecil atau pondok. Masih berlegar masalah longkangnya yang tidak mengalir dan `yang tersumbat'.

Di sini ada pertelingkahan. Tanah sebidang menjadi punca pertikaian. Di sini masih banyak hal bermacam muka yang payah dileraikan. Dari sejak datuk dan neneknya hinggalah kepada anak dan cucu-cicitnya.

Ia hanya secebis daripada banyak kisahnya. Yang dapat diandaikan, dikisahkan, dianalogikan, diperbandingkan, dibenar dan disalahkan.

Sebetulnya `bukan isu perkampungan Melayu' di tengah kota yang anda mahu dengar. Tentunya, kisah orang Melayu pelbagai peringkat. Yang mahu anda ketahui tentulah `masalah sebenar' di tempat kami.

Di sinilah kubu orang Melayu. Di sinilah adanya maruah bangsa kita. Yang memilukan tentulah perbalahannya. Orang Melayu di sini datang daripada

pelbagai latar belakang. Di sinilah dulunya, sarang politik kita. Dulunya, ada pelbagai ideologi politik tetapi masih dijaga keharmonisannya.

Di sini menjadi tempat orang Melayu selepas merdeka melangsungkan perjuangannya. Orang Melayunya itu yang turut memperjudikan nasib dan mempertaruhkan keyakinannya ketika terus berada di tengah kota metropolitan ini.

Di tempat kami bukannya kurang orang yang cerdas dan yang pandai. Atau yang pandai dan yang cerdas. Yang pandai bukannya sedikit. Bukannya sedikit yang sedikit pandainya. Aku yakin, tidak cukup kalau hendak dihitung dengan jari-jemari yang kita ada. Di sini memang ada Melayu super. Yang tidak ada, tentunya 'Melayu yang tersenarai antara 50 orang jutawan Melayu'.

Yang tersoal ialah apakah yang kita ada hanyalah orang Melayu 'yang berkepentingan'. Atau yang ada vested interestnya. Yang mahu membela nasib suku-sukatnya. Kaum kerabatnya, kelompoknya - puaknya. Yang akhirnya, seperti memaksa kita untuk bercakap bukan lagi technical know-how, tetapi technical know whonya. Melayu yang kininya 'sudah pandai menggunakan kuasa dan kedudukannya'.

Mereka dulunya amat benci terhadap penjajahan. Menolak kolonialisme dan neokolonialisme. Dulunya, bersikap antipemerasan. Dulunya, yang menentang ketidakadilan sosial. Menolak apa-apa saja bentuk rasuah. Bercakap dan benci penindasan. Dulunya, kalau berbicara tentulah mahu memartabatkan bahasa ibundanya. Melihat tentulah mahu memartabatkan bahasa ibundanya. Melihat perlunya, ada sikap megah bahasa di kalangan peribumi dan ras lainnya.

Non ... Maafkan aku kalau aku bersikap sedikit emosional. Ini kerana, aku percaya dan tidaklah secerdik mana. Kita adalah hasil daripada kuota Bumiputera dan pelbagai subsidi.

Semakin hampir pada penghujung mesyuarat itu, aku terasa ada sesuatu yang sempit menarik perhatiannya. Apa-apa yang disebutkan oleh pengerusi itu terasa menghambat suatu kerja pemikiran. Hal itu tidak pula aku minitkan.

"Usahlah jadikan masalah itu terlalu peribadi. Akhirnya, menjadikan institusi ini 'jadi terpecah'. Akhirnya, institusi ini jadi begitu kecil. Besar pada mata orang, tetapi sebetulnya lemah!"

Ini yang disebutkan. Kata-kata itu masih aku fikirkan hingga kini. Masih terngiang-ngiang suaranya dan terbayang-bayang lukisan pada wajahnya. Aku memikirkan, ironi, dilema dan yang kroniknya keadaan manusia di dalamnya.

Di luarnya berdamai tetapi selalu berperang perasaan. Yang berpeluh dengan rasional dan jadi tepu 'dengan ideanya'. Yang jadi terbantut usaha itu kerana tercipta masalahnya.

Aku percaya hal itu berguna untuk difikirkan. Ini tugas seorang sasterawan. Orang macam anda, tentunya dapat melihat permasalahan itu secara wholistic. Apa yang bergolak itu patut disaring dan dijadikan bahan penulisan. Ini supaya sepadu dan indah. Anda tentunya dapat memindahkan realiti itu ke dalam sebuah karya kreatif. Yang tentunya sesuai untuk dibaca. Ini selepas ditangani dengan keunikan dan keistimewaannya.

Aku bukan macam anda menganggap masalah cuma satu masalah. Anda tentunya dapat memfiksikan realiti itu supaya tidak menjadi nyata dan tidak menyinggung sesiapa.

Yang aku fikirkan hanyalah untuk memberikan sebanyak mungkin inputnya. Supaya anda dapat mengarang sebuah cerita. Dituliskan nanti sebuah cerpen mengenai pergolakan orang Melayu pada dekad selepas merdeka.

Tulislah sebuah cerpen tentang hal itu. Katakan - "Kalau dulunya kita pernah mengutuk. Mencaci penjajah. Menolak kolonialisme dan neokolonialisme. Kini, kita berdepan dengan suatu masalah dengan bangsa sendiri. Kita jadi tersoal, Apakah bangsa kita yang berkuasa pada hari ini

`suatu bangsa yang baik hati dan budinya?"

Idea sahaja tentulah tidak memadai kalau tidak diikuti dengan usaha, bakat dan keyakinan diri. Ini juga soal keupayaan mengeksploit dan memaksimumkan apa-apa yang ada di persekitaran itu.

Usahlah mencuba menjadi Abdullah Munsyi. Ini kerana, anda akhirnya akan dimangsai idealisme itu sendiri. Patut juga anda ingat kisah budak pintar dalam cerita `Singapura dilanggar todak'. Ini supaya anda tidak jadi terkorban oleh sistem sosial itu sendiri. Usahlah anda bersikap seorang pejuang seperti Pak Sako. Kerana, untuk jadi seperti itu anda harus ada jati diri.

Sentuhlah dalam cerpen itu hal yang kontemporari. Umpamanya, salah dan benarnya `gaya patut ada, lagak biar patut', atau, `besar-besar, rumah orang. Cantik-cantik, rumah sewa. Kecil-kecil, rumah sendiri juga, `usah bercakap hal-hal yang kita kurang faham. Nanti timbul banyak salah faham!'

Cerpen itu biarlah yang mampu mendidik, mengajar dan mengajak pembacanya berfikir. Di mana salahnya dan apa pula yang benarnya. Dalam kesederhanaan itu, diharap ada banyak hal yang boleh disampaikan.

Kalau I jadi macam you ... And, I repeat. Kalaulah I ini manusia berbakat penulis, tentunya akan I tuliskan tentang sesuatu. Sesuatu yang bukan lagi sebuah cerpen yang membicarakan tentang hantu, toyol, puaka atau, animisme. Tetapi termuat juga di dalamnya tentang keresahan seperti "yang berjalan, bos, yang berkursus bos, yang melawat-lawat bos".

"Yang disuruh buat kerja anak buahnya. Dikatakan, anda `tidak cemerlang'. Yang buat kerja, si tidak cerdik itu juga!"

Atau yang layak terima khidmat cemerlang, bos! Yang tidak cemerlang ialah anak buahnya!" Non ... kalau boleh, usah dimasukkan juga unsur kehidupan malamnya. Ini supaya tidak mengasyikkan pembaca oleh keerotisannya. Aku yakin, anda masih ingat fasal keberanian menjadi manusia penulis. Aku mahu anda tuliskan sebuah cerpen berkaitan keberanian itu. Aku harap anda tidak jadi manusia yang keliru!

(END)